

PENETAPAN GAJI PERMULAAN KENAIKAN PANGKAT [PP 14/2007]

Penetapan gaji permulaan kenaikan pangkat ialah pada tarikh kenaikan pangkat dan berdasarkan gaji akhir yang diterima di gred terdahulu, seperti kaedah berikut:

- i) jika gaji akhir di gred terdahulu adalah kurang daripada gaji minimum di gred kenaikan pangkat dan perbezaan itu adalah sama dengan atau lebih daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred terdahulu, gaji permulaan hendaklah ditetapkan pada gaji minimum di gred kenaikan pangkat itu.
- ii) jika gaji akhir di gred terdahulu adalah kurang daripada gaji minimum di gred kenaikan pangkat tetapi perbezaan itu adalah kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred terdahulu, gaji permulaan hendaklah ditetapkan pada matagaji di gred kenaikan pangkat selepas gaji minimum, supaya perbezaan antara gaji akhir di gred terdahulu dan gaji barunya di gred kenaikan pangkat adalah sama atau tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred terdahulunya.
- iii) jika gaji akhir di gred terdahulu sama atau lebih tinggi daripada gaji minimum gred kenaikan pangkat, gaji permulaan hendaklah ditetapkan pada satu matagaji lebih tinggi berhampiran dengan gaji akhir di gred terdahulu dan perbezaan antara gaji kenaikan pangkat dan gaji akhir di gred terdahulu hendaklah sama atau tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred terdahulu itu.

Apabila seseorang pegawai telah dinaikkan pangkat, tarikh pergerakan gaji pegawai akan berubah mengikut tarikh kenaikan pangkat pegawai. Tarikh pergerakan gaji adalah seperti berikut:

Tarikh Lantikan/Naik pangkat	Tarikh Pergerakan Gaji
1 Januari – 31 Mac	1 Januari
1 April – 30 Jun	1 April
1 Julai – 30 September	1 Julai
1 Oktober – 31 Disember	1 Oktober